

19 JAN 1998

EU-Mata wang (Bergambar)

MATA WANG TUNGGAL EROPAH BOLEH BENDUNG SPEKULASI, KATA EU

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Sekumpulan anggota Parlimen dari Kesatuan Eropah (EU) yang kini melawat Malaysia yakin bahawa cadangan memperkenalkan mata wang tunggal Eropah tahun depan akan membantu membendung spekulasi.

Mereka berasa yakin bahawa mata wang tunggal di Eropah boleh mewujudkan pasaran mata wang lebih baik teratur di Eropah, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar selepas mengadakan pertemuan dengan anggota Parlimen dari EU di sini hari ini.

Beliau berkata anggota parlimen berkenaan berpendapat serangan ke atas mata wang seperti yang melanda Asia Tenggara Julai lepas dapat dibendung jika Eropah mempunyai mata wang tunggal.

Anggota Parlimen itu, diketuai oleh Dr Gunther Rinsche juga menyuarakan sokongan kepada cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya diwujudkan peraturan dan ketelusan dalam perdagangan mata wang, kata Dr Affifuddin.

"Saya terkejut apabila anggota Parlimen Eropah itu menyokong cadangan Perdana Menteri agar diwujudkan peraturan dalam perdagangan mata wang," kata Dr Affifuddin kepada pemberita di Bangunan Parlimen.

Mereka yang berpendapat bahawa hilang kepercayaan di kalangan pelabur mengenai Malaysia berikutan kesan daripada krisis mata wang ialah disebabkan salah maklumat mengenai kedudukan ekonomi negara.

"Mereka akan kembali dan cuba membetulkan gambaran yang silap itu. Contohnya, mengenai kekuatan ekonomi Malaysia, mereka bersetuju bahawa Malaysia tidak harus diletakkan dalam kumpulan seperti negara jiran kerana Malaysia mempunyai kekuatan sendiri," kata beliau.

Dr Affifuddin berkata anggota parlimen berkenaan juga mengakui tentang potensi yang luas bagi pelaburan oleh syarikat-syarikat Eropah walaupun negara dilanda masalah ekonomi jika syarikat-syarikat Malaysia dapat merebut peluang.

Terdahulu, delegasi 11 anggota itu mengunjungi Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Zahir Ismail. -- BERNAMA

MHI FAZ